

02/01/2003

Kegiatan pindah nama pemilih serius

PUTRAJAYA, Rabu - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerima laporan kegiatan memindahkan nama pemilih ke kawasan lain berlaku secara agak serius di beberapa tempat di Kedah dan Kelantan.

Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata maklumat itu berdasarkan aduan pemimpin parti politik di kedua-dua negeri itu yang mendakwa pihak tertentu memindahkan pengundi berdaftar ke kawasan lain.

"SPR akan menyiasat sama ada dakwaan pemindahan pengundi itu benar-benar berlaku kerana ini maklumat yang diberikan pemimpin politik di dua negeri itu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Wan Ahmad enggan menyatakan kawasan dan tempat kegiatan pemindahan undi itu dilakukan.

Beliau mengulas perkembangan terbaru berhubung pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad November lalu, bahawa ada pihak tertentu memindahkan 2.8 juta pengundi berdaftar ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka.

Kajian terhadap senarai daftar pemilih menunjukkan pengundi berkenaan tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan sama sekali dengan kawasan di mana mereka berdaftar.

Taktik memindah pengundi dikatakan digunakan bagi memastikan kemenangan parti politik pada pilihan raya.

Wan Ahmad berkata, SPR menganggarkan hanya 10 peratus atau kira-kira 280,000 daripada 2.8 juta pemilih yang nama mereka dipindahkan ke kawasan pilihan raya lain.

"Baki pemilih lain bermastautin di kawasan berkenaan walaupun alamat pada kad pengenalan berbeza," katanya.

Dalam perkembangan lain, Wan Ahmad berkata, SPR akan meningkatkan usaha mendaftarkan penduduk, terutama kakitangan awam yang sudah berpindah ke Putrajaya untuk mendaftar sebagai pengundi dalam tempoh enam bulan akan datang.

Untuk tujuan itu, beliau berkata, SPR akan membuka kaunter bersepadu bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di lobi setiap jabatan kerajaan bagi memudahkan urusan pendaftaran dan penukaran alamat pada kad pengenalan.

"Kaunter bersepadu ini yang akan mula beroperasi bulan ini, akan dibuka selama seminggu di setiap jabatan kerajaan." katanya sambil menambah, SPR menganggarkan semua 10,000 kakitangan awam yang bertugas di Putrajaya akan mendaftar sebagai pengundi.

Setakat ini, hanya 1,200 daripada anggaran 25,000 penduduk Putrajaya sudah mendaftar sebagai pemilih bagi kerusi Parlimen Putrajaya.